

Hab pendidikan tinggi

RM1 bilion bina empat institusi, termasuk beberapa sekolah

MUAR – Pembinaan empat kampus universiti melibatkan kos hampir RM1 bilion termasuk membina beberapa sekolah rendah, menengah dan agama yang baru dalam tempoh empat tahun lagi akan menjadikan Pagoh sebagai sebagai hab pendidikan tinggi.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, fasa pertama itu merangkumi kawasan seluas 202.3 hektar yang akan menempatkan kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Politeknik.

Menurutnya, Kabinet ber-setuju dan meluluskan rancangan untuk menjadikan Pagoh sebagai hab pendidikan tinggi, semalam.

“Perjanjian untuk melaksanakan projek ini akan dimeterai da-



cMuhyiddin menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesara.

lam tempoh terdekat, manakala pembinaannya akan mengambil tempoh masa sehingga empat tahun.

“Sebelum ini, kita ada mempelawa institusi luar untuk membuka cawangan di sini dan Institusi Bandung, Indonesia ada me-

nunjukkan minta tetapi sehingga kini masih belum mendapat apa-jawapan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Merasmiakan Himpunan Mesra Bersama Lebih 700 Pesara Kerajaan Parlimen Pagoh di Dewan Kompleks Seri

Pekembar Pagoh, dekat sini, semalam.

Mengulas lanjut mengenai isu air di Selangor, Muhyiddin ber-kata, beliau selaku pengurus bagi satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi menangani masalah itu akan memutuskan perka-ra tersebut dalam satu mesyuarat khas Isnin ini.

“Saya akan putuskan dalam satu mesyuarat bersama Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dengan lebih terperinci tentang status dan kedudukan air di Selangor.

“Ianya mengenai peranan Kerajaan Negeri dan peranan pembekal air seperti Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan apa situasi sebenar dan bagaimana kerajaan tangani soal ini,” katanya.